

KUALA LUMPUR, 17 NOV. (BERNAMA) — KEMENTERIAN PELAJARAN TELAH MENUBUHKAN SEBUAH JAWATANKUASA PENDIDIKAN AKHLAK UNTUK MENKAJI KEMUNGKINAN MENGGUBAL SUKATAN PELAJARAN PENDIDIKAN AKHLAK BAGI SEKOLAH-SEKOLAH, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PELAJARAN BERKATA KEMENTERIANNYA MEMANG MEMANDANG BEPAT TENTANG SOAL PELAJARAN AGAMA DAN MORAL DAN TELAH MENGAMBIL BEBERAPA LANGKAH POSITIF.

KATANYA KERAJAAN JUGA TELAH MENUBUHKAN SEBUAH MAKTAB PERGURUAN UNTUK MELATIH GURU-GURU AGAMA MULAI TAHUN INI. SERAMAI 282 ORANG GURU PELATIH SEKARANG SEDANG MENJALANI LATIHAN DI MAKTAB TERSEBUT.

BELIAU MENYATAKAN INI SEWAKTU MENGGULUNG PERBAHASAN DASAR BELANJAWAN TAHUN DEPAN YANG BERKAITAN DENGAN KEMENTERIAN ITU DI DEWAN RAKYAT HARI INI. — BERSAMBUNG 1600/MM

MENYENTUH TENTANG DESAKAN ENCIK RICHARD DAMPENG (BN-SERIAN) SUPAYA BAHASA INGGERIS DIJADIKAN BAHASA PENGANTAR DIV UNIVERSITI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA DASAR SISTEM PELAJARAN KEBANGSAAN ADALAH UNTUK MELAKSANAKAN BAHASA MALAYSIA SEBAGAI BAHASA PENGANTAR DI SEMUA PERINGKAT PENGAJIAN.

INI KATANYA ADALAH SEBAGAI ASAS MEMPERKOKOH LAGI PENYATUAN DAN PERPADUAN NEGARA DI KALANGAN RAKYAT MALAYSIA.

NAMUN BEGITU PENGGUNAAN BAHASA INGGERIS AKAN DIPERLUASKAN LAGI SEBAGAI BAHASA KEDUA YANG PENTING, TEGASNYA LAGI.

KATANYA KEMENTERIAN PELAJARAN JUGA MENGAMBIL BEBERAPA LANGKAH UNTUK MENJAMIN PERKEMBANGAN DAN MENINGGIKAN LAGI TARAF PENGAJARAN BAHASA MALAYSIA.

SATU DARIPADA LANGKAH YANG TELAH DIAMBIL IALAH PENUBUHAN SEBUAH YUNIT BAHASA DI PUSAT PERKEMBANGAN KARIKULUM KEMENTERIAN ITU. — BERSAMBUNG 1600/MM  
PELAJARAN 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA UNIT TERSEBUT TELAH DITUGASKAN UNTUK MENGAWAL DAN MENKAJI PERKEMBANGAN PENGAJARAN DAN PENGGUNAAN BAHASA MALAYSIA DI SEKOLAH-SEKOLAH.

DI SAMPING ITU, KATANYA, SEORANG PENGELOLA BAHASA TELAH DITEMPATKAN DI TIAP-TIAP JABATAN PELAJARAN MULAI TAHUN INI UNTUK MENCAWAL PERKEMBANGAN BAHASA DI SEKOLAH-SEKOLAH.

MENGENAI SUNGUTAN BAHAWA ADA SEKOLAH-SEKOLAH YANG TIDAK DILAWATI OLEH PENGELOLA-PENGELOLA SEKOLAH, BELIAU MEMINTA SUPAYA ANGGOTA-ANGGOTA DEWAN MEMBERI BUTIR-BUTIR TENTANG MANA SATU SEKOLAH YANG TIDAK PERNAH DILAWATI SUPAYA KEMENTERIANNYA DAPAT MENGAMBIL TINDAKAN YANG SEWAJARNYA.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, MUNGKIN ADA PEGAWAI-PEGAWAI PELAJARAN TIDAK SEMPAT MELAWAT SEMUA SEKOLAH KERANA LETAKNYA BERJAUHAN ANTARA SATU DENGAN LAIN. — BERSAMBUNG 1600/MM

PELAJARAN 4 KUALA LUMPUR

219

MENGENAI MASALAH PELAJARAN TINGGI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PENGAMBILAN PARA PELAJAR KE UNIVERSITI TEMPATAN BERGANTUNG KEPADA TEMPAT YANG ADA DAN SYARAT-SYARAT TERTENTU.

JIKA PEMOHON-PEMOHON TIDAK DAPAT DITERIMA KE UNIVERSITI TIDAKLAH SEMESTINYA MERUPAKAN SATU TRAGIDI DAN KERUGIAN SEPERTI YANG DIGAMBARAKAN OLEH BEBERAPA ORANG ANGGOTA DEWAN, KATANYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA NEGARA MASIH MEMERLUKAN RAMAI PARA PEKERJA + SEPARUH PROFESIONAL YANG TIDAK MEMERLUKAN KELULUSAN UNIVERSITI. —BERNAMA 1615/MM  
PARLIMEN-PELAJARAN 6 KUALA LUMPUR

MENGENAI SURAT-SURAT MELAYANG, TAN SRI KADIR BERKATA INI TERPULANG KEPADA KEBIJAKSANAAN PARA PEGAWAI BSN SAMADA HENDAK MENJALANKAN SIASATAN SULIT ATAU TERBUKA.

BELIAU JUGA MENYEBUT SEBUAH SURAT MELAYANG YANG KONONNYA DITULIS OLEH SEORANG BERNAMA +HASAN ADLI+ YANG MEMBUAT BEBERAPA TUDUHAN TERHADAP BELIAU.

+SAYA TELAH DITUDUH SEBAGAI KETUA PENGEDAR DADAH, KETUA GERAKAN SUBERSIF KOMUNIS, DAN BERMACAM-MACAM LAGI TERHADAP KELUARGA SAYA, +

TUDUHAN-TUDUHAN ITU TIDAK BENAR DAN SEMATA-MATA FITNAH, TEGASNYA.

+KERANA TUDUHAN-TUDUHAN DALAM SURAT ITU TIDAK MENASABAH DAN TIDAK SEDIKITPUN BERASAS SAYA KETAWA BILA MEMBACANYA, + KATANYA.

MALAH ADA ANTARA SAHABAT-SAHABATNYA/YANG BERJENAKA PULA DENGAN BERKATA: KALAU DITENGOK BENTUK TUBUH BADAN TAN SRI BUKANLAH KETUA PENGEDAR DADAH, TETAPI KALAU DITUDUH PENAGIH, ADA ORANG BOLEH PERCAYA. + -- BERNAMA 1640/LK